

Presiden baharu MMA ikrar **perkasa peranan doktor dalam** **kepimpinan**

13 September 2025 11:23pm



Dr Thirunavukarasu Rajoo pada Majlis Jamuan Makan Sempena Ulang Tahun Ke-65 MMA di George Town pada Sabtu. - Foto: Bernama

GEORGE TOWN - Presiden baharu Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Datuk Dr Thirunavukarasu Rajoo berikrar untuk memperkasakan peranan doktor dalam kepimpinan, menyokong dasar yang adil serta mengembalikan autonomi profesional.

Beliau juga menekankan isu yang merangkumi fi pengamal perubatan am (GP), jawatan kontrak, amalan pentadbir pihak ketiga sehingga kepada reformasi perundangan

perubatan yang perlu ditangani bagi memulihkan keadilan dan kelestarian.

"Doktor bukan sahaja perlu berada di meja membuat keputusan, tetapi terlibat secara signifikan. Kepakaran kita mesti membentuk dasar, bukan sekadar mengesahkannya. Penyertaan secara simbolik tanpa pengaruh hanya melemahkan kepercayaan dan hasil.

"Kita adalah penyembuh, pendukung, pendidik, inovator dan pemimpin. Bersama-sama, kita

akan memperjuangkan profesion kita, melindungi pesakit dan membentuk sistem penjagaan kesihatan yang layak untuk masa depan Malaysia,” katanya dalam ucapan sulung pada Majlis Jamuan Tahunan MMA di sini pada Sabtu.

Majlis disempurnakan oleh Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Dalam ucapannya, beliau memuji usaha berterusan Dzulkefly memperjuangkan

profesion perubatan, khususnya dalam menangani isu doktor kontrak, memperkenalkan pindaan Akta Perubatan berkaitan pengiktirafan pakar, mempromosikan pendigitalan serta memajukan inisiatif kesihatan awam.

Dr Thirunavukarasu secara rasmi mengambil alih jawatan daripada Datuk Dr Kalwinder Singh Khaira dan akan berkhidmat untuk tempoh setahun sebagai ketua persatuan doktor terbesar negara. - Bernama